



Kementerian Kerja Raya

TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**PELANCARAN HARI SUKAN NEGARA
PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA
TAHUN 2023**

PADA

14 OKTOBER 2023 (SABTU)

BERTEMPAT DI

**DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID
KOMPLEKS KERJA RAYA**

Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia

1. Syukur kepada Tuhan kerana kita dapat berkumpul pada pagi yang bertuah ini. Selamat Hari Sukan Negara kepada seluruh Warga KKR yang saya kasihi. Saya berasa gembira dan bangga melihat semangat kesukanan yang tinggi, menerusi gaya hidup aktif yang ditonjolkan oleh Warga KKR melalui penglibatan dalam acara-acara sukan yang dijalankan pada hari ini.

Hadirin sekalian,

2. Sukan merupakan wadah terbaik untuk menguatkan keterangkuman dalam kalangan rakyat merentasi garis kaum dan agama. Gerakan ke arah membudayakan sukan untuk kesejahteraan dan kesepaduan rakyat Malaysia adalah menjadi fokus dan strategi selari dengan usaha Kerajaan untuk membina sebuah negara makmur, harmoni dan inklusif.
3. Justeru itu, setiap organisasi dan juga masyarakat perlu berganding bahu untuk menganjurkan pelbagai acara sukan dan menyertai program aktiviti sukan sebegini. Langkah ini adalah bertepatan dengan objektif Dasar Sukan Negara iaitu untuk memperkukuhkan

budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia bagi melahirkan masyarakat yang tinggi disiplin dan bersatu padu. Atas faktor ini juga Hari Sukan Negara atau HSN ditetapkan sebagai salah satu agenda nasional negara.

4. HSN dilaksanakan bertujuan untuk menzahirkan aspirasi dan inspirasi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang rakyatnya menjadikan sukan sebagai budaya hidup. Antara objektif HSN ialah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan bersukan di kalangan rakyat bagi mewujudkan masyarakat yang cergas dan aktif di samping memupuk dan menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum.
5. HSN juga dilaksanakan dengan objektif untuk memberi pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti membangunkan sukan di peringkat akar umbi, meningkatkan pengetahuan sukan di kalangan rakyat Malaysia, disamping menjana ekonomi negara menerusi pembangunan dan pemerksaan industri sukan.
6. Aktiviti sukan dan riadah ini boleh disifatkan sebagai satu bentuk "pelaburan" yang mampu menjana kesan positif kepada kesihatan

mental, sistem kardiovaskular, sistem pernafasan dan juga kondisi fizikal tubuh badan kita. Secara tidak langsung, kesan positif ini akan menjadi penyumbang kepada produktiviti terbaik warga KKR di tempat kerja.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

7. Untuk makluman, Penganjuran HSN Peringkat KKR selama tiga hari bermula 12 hingga 14 Oktober 2023 ini juga adalah serampang dua mata kerana selain untuk mencapai agenda sukan sebagai budaya hidup, HSN KKR juga dianjurkan untuk membudayakan hidup sihat di kalangan warga KKR. Jemaah Menteri pada 7 Ogos 2020 telah meluluskan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) iaitu satu bentuk tawaran baharu (*new deal*) Kerajaan yang bermatlamat untuk menjadikan rakyat Malaysia Sihat Sejahtera melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong hidup sihat dengan menggunakan pendekatan **WHOLE OF NATION** iaitu pembabitan secara menyeluruh agensi Kerajaan, badan bukan kerajaan dan swasta serta rakyat bagi memastikan pelaksanaannya adalah secara holistik.

8. Keutamaan ANMS adalah peningkatan taraf kesihatan rakyat Malaysia melalui pembudayaan hidup sihat seperti hidup aktif, makan secara sihat dan selamat, tidak merokok, minda sihat serta kebersihan diri dan persekitaran. Setiap rakyat, khususnya warga KKR dan agensi hendaklah memahami dan menerima manfaat ANMS melalui advokasi dan promosi ANMS melalui pelbagai platform contohnya pameran dan juga hebahan di media massa.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengumumkan bahawa Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) Tahun 2023 akan diadakan pada 4-5 Disember 2023 bertempat di Dewan Damar Sari, Putrajaya dengan tema "**PROFESION TEKNIKAL PEMACU PEMBANGUNAN MALAYSIA MADANI**". Program sambutan HPTN secara tahunan ini telah bermula sejak tahun 2018 bagi menghargai jasa para profesion teknikal atas sumbangan mereka terhadap kemajuan infrastruktur dan permodenan negara. Program sambutan HPTN 2023 melibatkan pelbagai pengisian program menarik seperti reruai pameran, aktiviti pertandingan STEM untuk pelbagai kategori, corporate social responsibility (CSR), webinar ilmiah, gerai jualan, ceramah dan pelbagai aktiviti menarik yang lain.

10. Pada tahun ini, kita menyaksikan HPTN telah menjadikan program Hari Sukan Negara (HSN) sebagai salah satu platform promosi HPTN 2023. Dapat kita perhatikan paparan *bunting* dan *banner* HSN hari ini turut mengandungi logo HPTN. Seluruh Warga KKR dan Agensi bersama keluarga dan sahabat handai adalah dijemput untuk turut serta menghayati, memeriahkan dan meraikan sambutan HPTN 2023 peringkat Kebangsaan yang akan diadakan pada bulan Disember 2023 nanti.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin menyeru agar seluruh warga KKR dan agensi sentiasa sematkan dalam diri, bahawa menceburkan diri dalam aktiviti sukan bukan hanya untuk memperolehi kemenangan semata-mata, tetapi juga untuk memupuk semangat patriotik dan juga meneroko pengalaman yang indah. Sukan Asia ke-19 di Hangzhou, China secara rasminya telah melabuhkan tirai pada 8 Oktober yang lalu menyaksikan atlet-atlet bertanding menunjukkan semangat kesukanan tinggi sewaktu bertanding. Saya berharap semangat juang dan kesukanan yang jitu juga turut ada pada warga KKR dan agensi.

12. Besar harapan saya agar KKR dan juga agensi-agensi di bawah KKR dapat meneruskan aktiviti kecergasan sebegini setiap tahun. Jadikan penglibatan diri dengan aktiviti bersukan sebagai amalan sepanjang masa, dan bukanlah hanya aktiviti bermusim sahaja. Saya juga menggalakkan, warga KKR dan agensi dapat menceburkan diri untuk menyertai pelbagai pertandingan di pelbagai peringkat sama ada di peringkat perkhidmatan awam, Persekutuan, Kebangsaan bahkan di peringkat Antarabangsa menerusi acara sukan yang diminati.

13. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program hari ini. Akhir kata, dengan lafaz takzim saya melancarkan Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2023.

Sekian, terima kasih.